

Warga asing tidak terlepas operasi penjaja tanpa lesen

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan ke atas gerai haram dan penjaja tanpa lesen di ibu kota oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sepanjang tahun lalu tidak hanya menasarkankan warga tempatan, sebaliknya juga menumpukan kepada bukan warganegara.

Menteri Wilayah Persekutuan, Dr Zaliha Mustafa, berkata menangani isu penjaja tanpa kebenaran antara fokus utama DBKL yang tegas melaksanakan operasi dengan mengeluarkan notis kesalahan serta sitaan ke atas penjaja yang didapati gagal mematuhi peraturan.

“Berdasarkan statistik 2023, sebanyak 2,475 Notis Kesalahan di bawah UKK 3(1), Undang-Undang Kecil

Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016 dikeluarkan ke atas aktiviti penjaja tanpa lesen, termasuk ‘gerai haram’.

“Dalam tempoh sama, sejumlah 1,581 tindakan sitaan melibatkan aktiviti penjajaan tanpa lesen oleh warganegara.

“Penjajaan oleh bukan warganegara, sebanyak 2,717 kes sitaan diambil tindakan,” katanya dalam jawapan bertulis disiarkan di laman web Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Onn Abu Bakar (PH-Batu Pahat) yang mahu kerajaan menyatakan statistik gerai haram di Kuala Lumpur, termasuk tindakan DBKL menangani isu

berkenaan.

Dalam memastikan penguatkuasaan lebih berkesan, Dr Zaliha berkata, DBKL menempatkan pegawai dan anggotanya di setiap Parlimen seluruh Kuala Lumpur.

Beliau berkata, objektifnya bagi melaksanakan rondaan dan pemantauan secara harian.

Katanya, DBKL turut bekerjasama dengan pihak berkuasa lain dalam memastikan tindakan lebih bersepadu terhadap isu berbangkit.

“DBKL dengan agensi sahabat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen menjalinkan kerjasama bagi melaksanakan operasi secara bersepadu dan berkala,” katanya.